



## Resorts World Genting Raikan Diamond Jubilee dengan Hadiah Bernilai RM300,000: Semua Pengunjung Dijamin Pulang Sebagai Pemenang!

**Genting Highlands, 15 Mei 2025** – Sempena sambutan ulang tahun ke-60 Genting yang penuh bermakna, satu acara istimewa bertemakan “Diamond Jubilee Madness” bakal berlangsung pada 30 Mei 2025. Acara sehari ini menjanjikan pelbagai bentuk hiburan, aktiviti menyeronokkan serta hadiah menarik. **Lebih istimewa, setiap pengunjung dijamin pulang sebagai pemenang!**

Bermula dari 1 hingga 28 Mei 2025, kempen ini merupakan penghargaan kepada enam dekad penuh kenangan di Genting. Acara kemuncaknya, Cabutan Hadiah Blind Box, akan diadakan pada 30 Mei 2025 bertempat di Kimhwa Atrium, SkyAvenue, Resorts World Genting (RWG). Cabutan ini akan berlangsung dari jam 10:00 pagi hingga 10:00 malam, dengan pendaftaran dibuka seawal jam 9:30 pagi. Acara bersejarah ini terbuka secara eksklusif kepada ahli Kad Ganjaran Genting (GRC) baik yang baharu mahupun sedia, dengan hadiah dan wang tunai bernilai lebih RM50,000 menanti untuk dimenangi.

Ahli GRC yang menyertai kempen ini berpeluang membawa pulang pelbagai hadiah menarik, termasuk wang tunai RM10,000 untuk lima pemenang bertuah, petrol percuma selama setahun di Petron Genting untuk enam pemenang, tiket ke Genting SkyWorlds beserta barangan eksklusif, hadiah jenama premium seperti kotak kejutan Pop Mart, bawcar beli-belah New Era, pengalaman menjamu selera di restoran terkemuka seperti Burger & Lobster, Harry Ramsden dan Five Guys dan minuman percuma.

Mudah sahaja untuk menyertai kempen ini. Ahli GRC yang baharu hanya perlu mendaftar sepanjang bulan Mei untuk menerima satu peluang bermain secara percuma melalui aplikasi mudah alih RWG. Bagi ahli sedia ada, peluang bermain boleh diperolehi dengan berbelanja di outlet yang mengambil bahagian dalam Genting Rewards. Setiap perbelanjaan berjumlah RM100 akan memperoleh 1 Genting Point (GP), dan setiap 2 GP melayakkan ahli GRC menyertai satu peluang bertuah. Ahli GRC boleh menebus sehingga dua peluang dari 1 hingga 28 Mei, memberikan ganjaran tambahan untuk setiap perbelanjaan. Pada hari terakhir kempen, ahli boleh menebus satu peluang terakhir melalui aplikasi dengan memotong 2 GP, memberi ahli GRC satu peluang terakhir untuk meningkatkan peluang mereka.

RWG baru-baru ini memperkenalkan Program Keahlian Genting Rewards yang serba baharu, sepenuhnya digital dan tanpa memerlukan kad fizikal. Ahli kini boleh menggunakan kod QR GeM atau nombor telefon mudah alih untuk mengumpul dan menebus mata ganjaran di seluruh resort, termasuk hotel, restoran, beli-belah, dan hiburan. Aplikasi mudah alih RWG yang ditambah baik kini menawarkan pengalaman lebih lancar, membolehkan ahli menempah bilik hotel, membeli tiket konsert, dan menebus bawcar, hanya melalui telefon pintar. Bagi yang belum mendaftar, inilah masa terbaik untuk mendaftar

melalui aplikasi RWG dan memulakan langkah pertama anda menuju ganjaran hebat, di mana semua pengunjung adalah pemenang!

Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran dan Perhubungan Awam di RWG berkata, “Ini merupakan salah satu cara kami menghargai ahli GRC sempena sambutan ulang tahun ke-60. Matlamat utama adalah untuk memudahkan proses memenangi hadiah lebih mudah dan selesa sebagai tanda penghargaan serta terima kasih atas sokongan berterusan mereka.”

Hadiah adalah terhad dan penebusan berdasarkan prinsip “siapa cepat, dia dapat”. Oleh itu, para pengunjung digalakkan hadir awal dan bersedia untuk menyertai pelbagai aktiviti menarik yang ditawarkan. Sertailah sambutan penuh bersejarah ini, satu acara istimewa di mana kenangan dicipta dan setiap pengunjung adalah pemenang. Untuk maklumat lanjut, layari [rwgenting.com](http://rwgenting.com) atau ikuti saluran media sosial rasmi kami.

– Tamat –

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Ms Michelle Wong**  
Manager  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9608  
Email: [michelle.wong@rwgenting.com](mailto:michelle.wong@rwgenting.com)

**Ms Lorehta Doreen**  
Senior Executive  
Public Relations & Media  
Genting Malaysia Berhad  
Tel: (603) 6105 9609  
Email: [lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com](mailto:lorehtadoreen.sritheran@rwgenting.com)

### **Mengenai Genting Malaysia**

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.